

Keratan Akhbar bertarikh 28 Julai 2016

Sinar Harian, Malaysia

## MPSepang sokong wujudkan trem

**CYBERJAYA** - Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) menyambut baik dan mengalu-alukan kewujudan perkhidmatan trem di Putrajaya dan Cyberjaya seperti dicadangkan Kementerian Wilayah Persekutuan dalam tempoh tiga tahun lagi.

Yang Dipertuannya, Datuk Puasa Md Taib berkata, pihaknya sudah diberi taklimat oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) sebulan yang lalu.

Menurutnya, perancangan pembinaan trem itu melibatkan dua laluan Putrajaya dan Cyberjaya.

"Bagi saya ia perancangan yang baik dan perlu diteliti kerajaan negeri dalam proses menggalakkan penggunaan kemudahan awam," katanya.

Menurutnya, pembinaannya kelak tidak menggunakan laluan

kenderaan sebaliknya bahu jalan yang tidak mengganggu pengguna lain.

Beliau memaklumkan pelaksanaan masih dalam peringkat kajian kerajaan persekutuan dan tempoh pelaksanaan belum dapat dipastikan lagi namun pihaknya menyokong penuh dan memohon ia disegerakan.

"Ia dalam proses pembentangan kepada MPSepang dan Perbadanan Putrajaya untuk perancangan pelaksanaan dan laluan bersesuaian.

"Kemudahan ini dialu-alukan di Cyberjaya kerana ia 'smart city' selain kita jangka kepadatan penduduk di kawasan ini akan meningkat berikutan penambahan pembangunan



**PUASA**

dari semasa ke semasa," katanya.

Sebelum ini akhbar melaporkan Putrajaya dan Cyberjaya bakal memiliki perkhidmatan trem jika perancangan dilaksanakan.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku

Adnan Tengku Mansor, sebelum ini berkata kementerianya bercadang mewujudkan perkhidmatan pengangkutan awam itu dalam masa tiga tahun lagi.

Katanya, perkhidmatan pengangkutan itu dilihat alternatif sesuai di kawasan mengalami pertumbuhan penduduk di Putrajaya dan Cyberjaya.



Kemudahan trem dialu-alukan di Cyberjaya bagi memenuhi keperluan pengangkutan awam.